

17/04/2000

Kerajaan ambil berat pandangan pekerja

Rohaniza Idris

PETALING JAYA, Ahad - Kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan cadangan penetapan gaji minimum RM1,200, kata Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak.

Beliau berkata, pendirian itu disampaikan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dalam pertemuan dengan perwakilan MTUC di pejabatnya di Putrajaya, kelmarin.

Zainal bagaimanapun berkata, kerajaan mahu cadangan itu dikaji terlebih dulu sebelum sebarang tindakan diambil.

"Persetujuan itu membuktikan kerajaan mengambil berat pandangan pekerja di negara ini," katanya selepas Simposium Kebangsaan MTUC/ILO Berhubung Gaji Minimum di Hotel Shah's Village di sini, hari ini.

Simposium itu berlangsung selama dua hari bermula hari ini dan disertai 10 pemimpin kesatuan sekerja dari seluruh negara.

Pada simposium itu, jururunding Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Ram Thiagarajah dan Setiausaha Agung Persekutuan Kesatuan Pekerja Bebas Antarabangsa-Pejabat Rantau Asia Pasifik (ICFTU-APRO), Noriyuki Suzuki, turut membentangkan kertas kerja.

Zainal berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan dengan MTUC pada 7 Ogos 1998 juga pernah mencadangkan bahawa kadar pendapatan kasar satu isi rumah sepatutnya RM1,200 sebulan.

Katanya, sejak itu MTUC sentiasa menekankan penetapan gaji minimum dan berharap Perdana Menteri menunaikan janjinya.

Beliau berkata, MTUC tidak akan bertolak ansur dengan tuntutan itu kerana isu berkenaan sudah lama dibincangkan dan banyak negara maju serta membangun sudah memperkenalkannya.

"Negara baru merdeka seperti Timor Timur juga sudah mewujudkan gaji minimum A\$9 (RM18) sebulan, begitu juga Vietnam AS\$100 (RM380) sebulan.

"Saya tidak nampak kenapa Malaysia yang sudah merdeka lebih 43 tahun, tidak boleh mewujudkan gaji minimum," katanya sambil menegaskan penetapan gaji minimum tidak akan menyebabkan pelabur asing tidak melabur di negara ini.

Katanya, gaji minimum bukanlah kriteria utama untuk pelabur melabur di negara ini kerana mereka mengukur dari segi kestabilan politik, keharmonian industri, produktiviti, kemahiran, ketelusan dan tanggungjawab pekerja.

Beliau berkata, penetapan gaji minimum adalah usaha berterusan MTUC untuk membela nasib pekerja.

"Penetapan itu juga membantu negara membasmi kemiskinan di samping menambah sumber pendapatan negara," katanya.

Menjelaskan beberapa kekeliruan mengenai isu itu, Zainal berkata, penetapan gaji minimum memang tidak memasukkan perkiraan elaun, kerja lebih masa dan beberapa imbuhan lain.

Katanya, ini kerana tidak semua pekerja menerima elaun dan imbuhan yang sama dan ada yang tidak melakukan kerja mengikut syif.

Zainal berkata, MTUC menggunakan data KWSP dan Socso kerana tidak mempunyai pilihan lain.

"MTUC mengalu-alukan kesudian Kementerian Sumber Manusia untuk menjalankan kajian mengenai penetapan gaji dan bersedia untuk membandingkan hasil kajian itu demi kepentingan rakyat," katanya mengulas hasrat kerajaan mengkaji perbelanjaan gaji bulanan individu dan isi rumah sebelum mengambil keputusan menaikkan gaji minimum RM1,200.

( END )